

# Dr. Mahathir **syor** **tubuh kelab** **berbagai kaum**

KUALA LUMPUR, 28 Mei -

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengesyorkan supaya kelab-kelab yang dianggotai oleh berbagai kaum ditubuhkan di peringkat negeri bagi mencapai perpaduan rakyat.

Kata Perdana Menteri, melalui pertubuhan seperti itu ahli-ahli semua dapat berbincang di antara satu dengan lain dan mewujudkan persefahaman di kalangan mereka.

"Usaha-usaha ini akan membolehkan kita membina sebuah negara yang maju dan bersatu-padu", tambahnya ketika berucap di majlis perjumpaan dengan jawatankuasa tertinggi MIC di bangung parti itu petang ini.

Bagi kelab-kelab itu, beliau berkata, pemimpin-pemimpin boleh dipilih daripada "orang-orang yang dekat

Ini, katanya, adalah untuk mengelakkan "timbulnya rasa iri hati atau pilih kasih yang tidak baik".

Mengenai kerajaannya, beliau memberi jaminan bahawa pihaknya "ingin berlaku adil terhadap rakyat semua kaum di negara dalam konteks Dasar Ekonomi Baru".

"Keadaan ini mendapat berbagai-bagai tafsiran. Mereka yang meminta sesuatu tetapi tidak mendapat akan berkata kerajaan tidak adil terhadap mereka."

"Tetapi kita harus sedar bahawa tidak ada siapa dan tidak ada satu kaum pun di negara ini yang boleh dapat semua yang mereka minta", jelasnya.

Oleh sebab itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berharap mereka yang tidak

dengan kerajaan" seperti Menteri Besar dan sebagainya.

"Semua kaum yang menjadi ahli-ahli kelab itu bolehlah berjumpa, berbual, bercakap dan faham-memahami cara hidup sesuatu pihak", tambahnya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga mengesakan bahawa beliau tidak mahu sesebuah perniagaan itu dikuasai 100 peratus oleh satu kaum sahaja.

"Seberapa yang boleh, kita hendaklah cuba mengadakan syarikat-syarikat yang disertai bukan sahaja oleh kaum sendiri tetapi juga oleh kaum-kaum lain", katanya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir lagi, beliau tidak mahu mana-mana kaum, baik India, Cina atau Melayu menubuhkan perniagaan yang eksklusif bagi kaumnya sahaja.

Beliau kemudian menasihatkan peniaga-peniaga supaya mengambil masuk kaum-kaum lain menyertai perniagaan mereka.

mendapat apa yang diminta itu akan memandang dari sudut kepentingan nasional.

Beliau menambah, mereka hendaklah mengakui bahawa kerajaan telah cuba menjalankan tugasnya secerapa adil yang boleh.

Bagaimanapun Perdana Menteri mengingatkan semua pihak supaya memberikan perhatian yang wajar kepada mereka yang tidak puas hati.

Beliau juga memberi jaminan untuk mengambil tindakan yang seberapa boleh untuk menentukan kaum India mendapat tempat yang wajar di negara ini.